

**F**asa Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2011-2015 yang berkaki kira-kira 20 bulan, memberi isyarat perlunya membuat pecutan terakhir ke arah merealisasikan sasaran institusi pengajian tinggi (IPT) itu menjadi 'Universiti Teknologi Pilihan Utama'. Ikuti kupasan dasar, inisiatif dan strategi penting yang bakal dilaksanakan oleh UMP bagi mencapai sasaran itu seperti disampaikan oleh Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, kepada wartawan Varsiti, Rosniza Mohd Taha.

# Pecutan terakhir pelan strategik



Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim

**S: Apakah pencapaian universiti setakat ini sejak Pelan Strategik UMP dilancarkan pada 2011?**

**J:** Dinamika pengurusan sejak kewujudan UMP 12 tahun lalu membolehkan universiti ini berada pada tahap berkeupayaan untuk terus maju. Ia juga hasil sokongan semua segmen populasi, iaitu pengurusan, ahli akademik, birokrat dan mahasiswa.

Hasil kerjasama dan komitmen berterusan itu, UMP menikmati pertumbuhan membanggakan dalam pelbagai aspek, khususnya penawaran program akademik, kerjasama serantau dan antarabangsa, enrolmen pelajar, geran penyelidikan, pencapaian penyediaan dan perkhidmatan masyarakat.

Kecemerlangan yang dihasratkan akan terus memerlukan kerjasama intim keempat-empat segmen populasi universiti yang saya sebutkan tadi, tanpa pengecualian.

Semangat kekitaan dan pemilikan yang tinggi terhadap UMP akan menajirahkan keikhlasan perkhidmatan dan kejelasan nawaitu, tanpa terlalu berkira dengan soal garjangan, pangkat dan kedudukan, keistimewaan mahupun kemudahan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga UMP atas sumbangan penuh dedikasi dan kerjasama diberikan selama ini, khususnya sepanjang tahun lalu.

Nilai teras yang dilakar kepemimpinan UMP atau Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM) terdahulu pada Oktober 2004, harus terus dijadikan pegangan warga universiti ini untuk mencorak kepercayaan, mencipta ciri organisasi dan membentuk akhlak.

Lima nilai teras itu ialah hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta, teguh mempertahankan prinsip dipersetujui, kreatif membuat keputusan bijaksana, cekal menghadapi cabaran dan proaktif dalam tindakan.

Saya yakin bahawa kelima-lima nilai teras itu akan menjadi sumber kekuatan, kesatuan minda dan tindakan warga UMP berpandukan cogan kata 'Beraskan Nilai, Berkonsentrasi Strategi, Berpandukan Prestasi'. Kerangka etika dan akhlak kerja yang betul akan membentuk kesatuan minda serta tindakan dalam organisasi.

**S: Pelan strategik fasa pertama akan berakhir tahun depan. Dalam tempoh beraki ini, apakah pendekatan UMP bagi memastikan sasaran pelan tercapai?**

**J:** Pelan Strategik 2011-2015 berhasrat menjadikan UMP sebagai 'Universiti Teknologi Pilihan Utama'. Tempoh semakin singkat ini memerlukan kita membuat pecutan terakhir sebelum tibanya Disember 2015.

Pecutan ini memerlukan tindakan, termasuk menekuni usaha sedia ada yang terbukti memberikan hasil dihasratkan, mengambil inisiatif kreatif dan inovatif, intervensi radikal untuk penjarangan lebih tepat serta tindakan luar biasa yang bakal memberi impak besar.

Perlu diingat, antara tindakan dengan hasil, semestinya wujud sela masa. Fokus kepada strategi memerlukan kita untuk terus menekuni usaha digariskan dalam kerangka strategik itu.

Selama lebih tiga tahun,

kita menumpukan perhatian kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dan pencapaiannya. Penyampaian KPI itu tidak menjadi isu kritikal-walaupun ada yang mungkin kurang sedikit pencapaiannya atas sebab tertentu.

Dengan masa beraki ini, saya mengesyorkan agar tumpuan tambahan diberi kepada keberhasilan, iaitu pencapaian yang menggambarkan bagaimana penilaian pihak lain terhadap kita.

Hal ini penting supaya kita sentiasa ada kesedaran sendiri yang nyata dan tidak hanya seronok sendiri. Contohnya, apabila kita menilai pencapaian objektif pertama dalam Pelan Strategik 2011-2015, iaitu melahirkan graduan berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif, sudah tiba masanya untuk kita meninjau nilai kualitatif atau kesan KPI yang dicapai.

Memang benar pencapaian KPI menunjukkan bahawa kita berjaya mendapatkan calon berkualiti dan kompetensi staf yang tinggi, manakala peratusan graduan memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan juga tinggi, iaitu hampir 80 peratus.

Soalan berikutnya, adakah pelajar kita ditaja oleh organisasi yang bereputasi tinggi pada peringkat nasional dan global? Adakah mereka akan menjadi rebutan syarikat multinasional yang terkemuka? Adakah gradu-

an kita itu mendapat jawatan dan garjangan setimpal dengan kelayakannya?

**S: Sektor pendidikan kini menempuh banyak perubahan, justeru sudah pasti pelan memerlukan pembaharuan. Bagaimana UMP menanganinya?**

**J:** UMP juga ialah pemegang taruh dan penyumbang kepada pencapaian dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Maka, UMP harus turut bersedia mengharungi arus transformasi yang sedang digerakkan hasil penggabungan Kementerian Pelajaran dengan Kementerian Pengajian Tinggi menjadi Kementerian Pendidikan.

Kajian semula yang bakal dilakukan terhadap PSPTN 2008-2020, akan memberi kesan kepada pendekatan dan perancangan kita dalam mengubal Pelan Strategik UMP 2016-2020. Malah, sedikit perubahan mungkin turut berlaku pada Pelan Strategik UMP 2011-2015 yang sedang dilaksanakan berikutan perkembangan ini.

Apabila hasil kajian semula PSPTN yang dijangka siap pada Jun depan diumumkan kelak, UMP akan membuat dan pembaharuan sekiranya perlu.

Ini disebabkan PSPTN akan disepadukan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bersama-sama gerak tindakan yang selaras.

Tumpuan utama dalam transformasi pendidikan ini meliputi autonomi universiti awam dengan sistem tadbir urus yang mantap dan penuh akauntabiliti, jaringan universiti dengan komuniti, penarafan universiti awam, pemindahan teknologi serta agenda

kritikal lain.

Dengan perkembangan PSPTN yang sudah dijangka dan hakikat bahawa kita semakin hampir kepada penghujung Pelan Strategik 2011-2015, UMP perlu memulakan langkah bagi fasa 'Menjana Kegemilangan' tanpa mengabaikan objektif semasa dalam pelan strategik ini.

**S: Apakah elemen keunggulan yang perlu dititikberatkan dalam peralihan kepada fasa kegemilangan kelak?**

**J:** Dalam konteks kegemilangan universiti, sudah diketahui umum bahawa universiti Amerika Syarikat (AS) mendominasi penarafan universiti global.

Kebanyakan universiti di dunia mengambil masa bertahun-tahun, malah berkurun, untuk berada pada kedudukan tinggi tetapi universiti di AS melonjak dalam masa lebih singkat.

Kajian penyelidikan antarabangsa mengenai pengajian tinggi ada mencadangkan bahawa autonomi dan persaingan akan menyumbang kepada produktiviti universiti. Dua elemen itu harus wujud bersama.

Ada bahayanya jika universiti diperkasakan dengan autonomi tetapi tidak pula dalam persekitaran persaingan yang menuntut disiplin tinggi untuk mendapatkan dana penyelidikan, anggota fakulti dan pelajar.

Autonomi tanpa persaingan boleh menyebabkan universiti leka dan tersimpang daripada menghasilkan output yang dihargai oleh masyarakat.

Begitu juga tiada maknanya menuntut universiti bersaing jika ia tidak mempunyai autonomi untuk bertindak melalui program yang produktif, kreatif dan cekap.

Kebebasan melalui autonomi dan kemampuan untuk bersaing

ialah faktor penting keunggulan sesebuah universiti.

Seperkara menarik mengenai IPT unggul di dunia, termasuk Universiti Harvard, ialah keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah didominasi oleh alumni universiti itu sendiri.

Alumni sesebuah universiti seharusnya merasakan semangat pemilihan yang tinggi. Mereka ialah pemegang taruh yang memiliki kepentingan tertinggi. Reputasi universiti mencerminkan kualiti alumni kerana mereka ialah hasil didikan institusi itu.

**S: Pesanan dan harapan Prof dalam memartabatkan pencapaian UMP?**

**J:** Warga UMP perlu memfokuskan minda, tindakan dan strategi untuk mencipta kegemilangan tanpa melupakan lima nilai teras utama. Kita akan bertitik tolak dari kebudayaan pencapaian. Sehubungan itu, UMP perlu komited melakukan sesuatu.

Antaranya meneruskan usaha gigih mencapai autonomi; mewujudkan persekitaran yang menggalakkan persaingan sihat; memulakan penyemakan semula terhadap falsafah, konsep dan pengurusan prestasi; serta menggiatkan pembabitan alumni dalam tadbir urus UMP hingga Lembaga Pengarah Universiti didominasi oleh mereka suatu hari nanti.

Selain itu, kita perlu memastikan UMP memiliki kepemimpinan yang berupaya mentransformasi pada semua peringkat, termasuk pelajar; membabitkan penuntut sebanyak mungkin dalam pembentukan strategi universiti kerana mereka bakal menjadi alumni; dan memastikan pendekatan UMP bukan sekadar berimpak tinggi tetapi juga mampu menukar corak permainan sedia ada.



Prof Daing Nasir (kanan) bermesra dengan warga UMP pada Majlis Amanat Tahunan Naib Canselor, baru-baru ini.